



Rujukan : JPA1002.05/600-3/4/2JILID2(95)

Tarikh : 23 MEI 2019

Pengetua,
Sekolah Menengah,
Daerah Johor Bahru.

Tuan,

BENGKEL MODUL TEKNOLOGI HIJAU (TH) BAGI MATA PELAJARAN SAINS TERAS SEKOLAH MENENGAH DAERAH JOHOR BAHRU TAHUN 2019

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga Boleh Baharu, Kecekapan Tenaga dan Teknologi Hijau (CETREE) dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kesedaran Teknologi Hijau (TH) dalam kalangan warga sekolah di seluruh negara.

3. Sehubungan dengan itu, Unit Pengurusan Akademik, Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru dengan kerjasama Jawatankuasa Kurikulum Daerah (JKD) akan mengadakan bengkel yang tersebut di atas mengikut ketetapan berikut :

Tarikh : 12 Jun 2019 (RABU)
Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang
Tempat : SMK Taman Impian Emas, Johor Bahru


4. Mohon kerjasama tuan bagi membenarkan seorang guru yang mengajar mata pelajaran Sains Teras di Tingkatan 4 atau 5 di sekolah tuan bagi menghadiri bengkel tersebut. Peserta diminta membawa bersama-sama Modul Teknologi Hijau (Sains Teras) dan komputer riba ke bengkel tersebut.

5. Segala kerjasama yang diberikan, pihak Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru mengucapkan ribuan terima kasih. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn. Norseha binti Affandi @ Mohd, Penolong PPD Sains dan Matematik (Menengah) melalui talian 019-7101969.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalankan amanah,


(HJ. SHAHARUDDIN BIN SAARI)

Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru.